

**Biografi Bekas Juruhebah Radio Klasik Nasional:
Tuan Haji Chuari Bin Selamat**

Khairah Jamaluddin
Nur 'Ainsyirah Abu Bakar
Nurussobah Hussin
Wan Satirah Wan Mohd Saman

**Fakulti Pengurusan Maklumat
UiTM Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana**
Jalan Pulau Indah AU10/A, Puncak Perdana, 40150 Shah Alam, Selangor

Abstrak

Artikel ini mengisahkan mengenai seorang tokoh seni di Malaysia yang dikenali kerana keunikan pada suaranya ketika menjadi seorang juruhebah radio sekitar tahun 1980an. Tokoh tersebut dikenali sebagai Tuan Haji Chuari Bin Selamat. Segala maklumat yang diperolehi oleh penulis berkaitan dengan tokoh adalah berdasarkan pembacaan dan temubual lisan yang dijalankan bersama-sama dengan tokoh. Permulaan penceritaan yang ingin disampaikan oleh penulis kepada pembaca, adalah dengan menceritakan latar belakang kehidupan Chuari, yang mana beliau mempunyai minat yang sangat mendalam dalam bidang seni. Beberapa kisah menarik yang dikongsikan oleh beliau ketika menjalankan sesi temubual lisan, antaranya kerjaya awal sebelum bergelar seorang juruhebah radio, pengalaman ketika menjadi seorang juruhebah radio, jawatan yang pernah di sandang sepanjang berkhidmat di Stesen Radio Klasik Nasional, pengiktirafan anugerah yang pernah beliau perolehi di sepanjang kerjayanya dan pengalaman manis dan pahit yang tidak boleh dilupakan. Seterusnya, beliau turut memberikan pandangan peribadi beliau terhadap bidang penyiaran radio di Malaysia pada masa dahulu dan masa kini.

Kata Kunci: Tuan Haji Chuari Selamat, juruhebah radio, stesen Radio Klasik Nasional, seni, penyiaran radio, RTM.

Abstract

This article highlights Mr. Haji Chuari Bin Selamat as one of the well-known Malaysian artists, who has a unique voice when he was a radio announcer in the 1980s. The information was obtained by conducting an interview session and reading the secondary information. This article describes Mr. Chuari's life and interest in the art including his early career as a radio announcer, his experience as a radio announcer, the position he served while serving on the Radio Klasik Nasional Station, recognitions award he has gained throughout his career and his unforgettable bitter and sweet experiences. Besides, he also gave his personal insights regarding the broadcasting in Malaysia.

Keywords: Mr. Haji Chuari Selamat, radio announcer, Radio Klasik Nasional station, artist, radio broadcasting.

Latar Belakang

Chuari merupakan seorang anak jati Kuala Lumpur, di Kampung Dato' Keramat yang sebelumnya dikenali sebagai Kampung Tangga Cina. Beliau dilahirkan pada 11 Februari 1954 dan kini beliau menetap di Taman Melur, Ampang, Selangor. Beliau merupakan anak ketiga daripada sebelas orang adik-beradik melalui dua perkahwinan ibunya. Beliau mendirikan rumah tangga pada tahun 1977, seurus selepas beliau mendapatkan pekerjaan tetap. Beliau dan isteri dikurniakan tiga orang cahaya mata. Beliau mendapat sokongan yang penuh daripada ahli keluarganya, untuk terus menceburkan diri dalam bidang penyiaran radio. Walaupun pada permulaanya, terdapat ahli keluarga yang tidak bersetuju dengan tindakan beliau untuk menjadi seorang juruhebah radio, namun beliau tetap meneruskan impiannya.

Pendidikan awal beliau bermula daripada sekolah rendah, iaitu di Sekolah Kebangsaan Princess Road yang terletak di Kampung Baru, Kuala Lumpur. Sekolah tersebut adalah satu-satunya Sekolah Melayu yang berdekatan dengan

kediaman beliau. Pada zaman persekolahan rendahnya, beliau sering kali tidak terpilih untuk menyertai mana-mana acara sukan di sekolah dan diketepikan oleh guru-guru. Ini adalah kerana beliau pada ketika itu hanya bersusuk tubuh kecil dan tidak sesuai untuk menyertai acara sukan. Bermula daripada itu, beliau mula timbul minat dalam bidang penulisan dan kebudayaan. Minat beliau itu diasah lagi dengan pembacaan buku-buku di perpustakaan sekolah yang dibaca oleh beliau setiap kali waktu rehat. Pada masa yang sama juga, ada seorang guru yang menyedari akan bakat yang beliau miliki melalui penulisan karangan Bahasa Melayu yang dikarang oleh beliau.

Meningkat keusia remaja, beliau melanjutkan pelajaran keperingkat Sekolah Menengah di High School Air Panas Setapak, Kuala Lumpur iaitu sebuah Sekolah Menengah Inggeris. Sementara menunggu keputusan Malaysia Certificate Education (MCE), beliau bekerja sebagai seorang penerbit sambilan bagi rancangan berbalas pantun di RTM. Beliau mula bersara sebagai penerbit rancangan di Radio Klasik Nasional pada tahun 2011 (Bahagian Komunikasi Kraftangan Malaysia, 2011). Selepas persaraan, beliau banyak mendapat panggilan menjadi jurucakap majlis seperti majlis rasmi dan majlis perkahwinan.

Kerjaya Awal Sebelum Bergelar Juruhebah Radio

Pada mulanya, kerjaya awal Chuari Selamat adalah sebagai seorang juruhebah televisyen. Beliau berpendapat bahawa, juruhebah televisyen adalah satu bidang yang perlu menggunakan perkataan yang sopan kerana ianya akan memberi impak kepada sesetengah masyarakat. Pada masa itu, jawatan kosong yang ditawarkan oleh RTM adalah sebagai juruhebah televisyen. Disebabkan keinginan beliau untuk mencapai impiannya, jadi beliau membuat keputusan untuk memohon jawatan tersebut.

Dalam pada masa yang sama beliau berjaya ditawarkan menjadi seorang juruhebah televisyen bagi rancangan pendidikan. Ketika itu beliau perlu membuat banyak persediaan dari segi pembacaan semula skrip yang disediakan oleh pihak

penerbit bagi mengelakkan sebarang kesalahan ketika menyampaikan maklumat sewaktu sedang bersiaran. Dalam masa yang sama banyak perkara yang beliau belajar sepanjang bertugas menjadi seorang juruhebah televisyen. Antaranya ialah beliau perlu mencari maklumat dengan lebih terperinci lagi mengenai topik atau tajuk yang bakal dibincangkan sepanjang rancangan tersebut disiarkan di televisyen.

Pengalaman Menjadi Seorang Juruhebah Radio

Menjadi seorang juruhebah radio bukanlah sesuatu yang mudah bagi Chuari Selamat. Banyak persediaan yang perlu beliau lakukan setiap kali ingin memulakan tugas sebagai seorang juruhebah radio. Setelah beberapa tahun bekerja, banyak pengalaman yang beliau hadapi seperti pernah mengalami perasaan gementar ketika mula-mula hendak bekerja menjadi juruhebah radio. Selain itu, beliau juga pernah tersilap menekan butang pada pembesar suara. Bagi mengatasi masalah tersebut beliau melakukan beberapa latihan seperti membaca skrip.

Di samping itu, beliau juga ada menceritakan suasana perkerjaan ketika mula-mula bekerja di RTM. Antaranya, banyak rancangan yang diterbitkan dalam satu masa dan ini menyebabkan kekurangan bilik studio yang boleh digunakan pada ketika itu. Beliau juga ada menyatakan pada zamannya, mereka masih lagi menggunakan mesin taip. Penggunaan mesin taip menyebabkan pergerakan kerja-kerja di RTM menjadi lambat.

Dalam pada itu, beliau juga menyatakan setiap pekerjaan yang kita mahu lakukan pasti akan ada pengalaman sukar. Antara pengalaman sukar yang beliau hadapi adalah perlu bersaing antara satu sama lain walaupun di dalam satu stesen radio yang sama, namun pihak atasan di RTM mengingatkan mereka agar bersaing secara sihat. Walau bagaimanapun, terdapat juga perkara yang tidak sepatutnya wujud. Seterusnya, terdapat juga pengalaman beliau meluangkan masa bersama-sama dengan pendengar setia Radio Klasik Nasional yang masih

lagi segar di ingatan beliau semasa menjadi juruhebah radio. Pengalaman bersama-sama dengan peminat yang dikongsikan oleh beliau adalah, beliau menerima banyak surat yang datangnya daripada peminat beliau sendiri. Surat-surat yang diterima itu, akan beliau bacakan isi kandungannya ketika ke udara di radio. Dengan cara begitu, peminat-peminat beliau tahu, bahawa surat yang mereka hantar kepada juruhebah Chuari Selamat telah selamat diterima. (Chuari, 2019)

Jawatan Disandang Ketika Berkhidmat di Radio Klasik Nasional

Pada tahun 1973, bermulalah kerjaya Chuari Selamat sebagai seorang juruhebah radio di stesen Radio Klasik Nasional di bawah naungan RTM. Beliau ditawarkan jawatan sebagai juruhebah radio tetap di sana. Berkat daripada usaha beliau yang tidak pernah mengenal erti putus asa mempelajari sesuatu perkara baharu, beliau dinaikkan pangkat sebagai penolong pengurus stesen Radio Klasik Nasional.

Sepanjang perkhidmatan beliau di Radio Klasik Nasional, pihak atasan dapat melihat kesungguhan beliau yang ingin menaikkan imej serta melakukan pembaharuan pada stesen Radio Klasik Nasional. Daripada ilmu dan pengetahuan yang beliau miliki dalam bidang penyiaran radio dan televisyen, beliau melakukan pembaharuan dan turut membawa masuk elemen baharu dari sudut imej dan kandungan pada Radio Klasik Nasional supaya menjadi lebih menarik. Selepas beberapa tahun kemudiannya, beliau dinaikkan pangkat menjadi pengurus bagi tiga (3) buah stesen radio iaitu Stesen Rangkaian Nasional, Stesen Radio Muzik dan Stesen Radio Klasik. Pada asalnya, RTM hanya mempunyai satu stesen radio yang dulu dikenali sebagai Radio Irama Melayu Asli (RIMA) (Radio Klasik, 2018)

Walaupun memegang jawatan tinggi dalam Radio Klasik Nasional, beliau masih tidak jemu dalam menimba ilmu terutamanya dalam bidang yang sangat beliau gemar untuk ceburi. Beliau akan membuat kajian dan mencari informasi

bagi setiap lagu-lagu yang dimainkan di Radio Klasik Nasional agar lebih banyak informasi benar dan menarik yang dapat disampaikan oleh beliau kepada pendengar.

Anugerah Diperolehi

Sewaktu sesi temubual lisan bersama-sama dengan Chuari Selamat, beliau sudah 38 tahun di dalam industri penyiaran radio. Banyak pengalaman, ilmu dan pengetahuan yang beliau perolehi ketika aktif dalam industri penyiaran radio. Sepanjang berkecimpung di dalam bidang penyiaran radio, pelbagai anugerah, pengiktirafan dan kejayaan yang beliau capai terutamanya semasa beliau berkhidmat di RTM. Antara anugerah tertinggi yang beliau pernah perolehi sewaktu masih lagi bergelar seorang juruhebah radio adalah Anugerah Seri Angkasa bagi kategori Penyampai Radio Terbaik pada tahun 1984 dan Anugerah Juruhebah Radio Terbaik pada tahun 1991.

Di samping itu, selepas beliau memegang jawatan tinggi di Stesen Radio Klasik Nasional sebagai pengurus stesen, beliau memperolehi anugerah khidmat cemerlang pada tahun 2008. Pada tahun 2005, RTM mengadakan satu majlis penganugerahan, di mana majlis tersebut diadakan bagi meraikan kejayaan penggiat-penggiat seni yang telah berkhidmat di bawah naungan RTM. Dalam majlis tersebut, beliau juga memperolehi Anugerah Khas Angkasapuri oleh Menteri Penerangan.

Seterusnya, beliau juga pernah memperolehi anugerah daripada pihak luar seperti Anugerah MACP iaitu satu organisasi yang menjaga kualiti lagu-lagu tempatan di negara ini. Melalui lagu 'semakin hari semakin sayang' dan lagu hari kebangsaan yang diciptanya, beliau berjaya merangkul Anugerah MACP tersebut. Di samping itu juga, kejayaan yang dirangkul ini adalah kerana usaha beliau dalam mencipta lirik-lirik lagu berkualiti untuk artis-artis tempatan. Di samping itu, beliau memperolehi anugerah khas angkasapuri oleh menteri-menteri kerana usaha beliau memberikan sumbangan idea di dalam industri penyiaran radio Malaysia.

Pandangan Peribadi

Antara pandangan peribadi yang beliau nyatakan mengenai bidang penyiaran radio di Malaysia pada masa dahulu dan kini adalah perbezaan dari segi perkembangan teknologi yang menjarakkan penyiaran radio masa dahulu dan kini. Beliau berkata,

“...pada masa dahulu, belum ada lagi banyak persaingan dalam bidang penyiaran radio. Tetapi kini lihatlah, persaingan dalam bidang penyiaran radio sudah banyak yang wujud seperti ASTRO dan TV3. Sekarang ini, sebelah pintu kita pun sudah ada pesaing, tidak perlu lihat yang jauh. ...”

(Chuari, 2019)

Seterusnya, beliau berpandangan bahawa perkembangan dan kemajuan penggunaan digital televisyen, gajet dan media sosial memberi kesan kepada bidang penyiaran radio negara Malaysia pada hari ini ialah. Namun di Malaysia, perkhidmatan radio masih lagi diperlukan. Menurut beliau juga, perkara itu adalah sesuatu yang bagus, kerana apabila melihat kepada negara luar seperti Indonesia, mereka tidak lagi mendengar radio. Di sana mereka hanya tertumpu kepada televisyen.

Sekiranya mereka ingin mendengar lagu, mereka akan mainkan di telefon pintar. Beliau menyatakan rasa gembiranya, kerana rakyat Malaysia masih lagi ingin mendengar lagu-lagu kegemaran mereka dimainkan di stesen-stesen radio di Malaysia seperti ERA, SINAR dan Radio Klasik Nasional, walaupun teknologi moden kini berkembang pesat. Selain itu, beliau juga berkata pada era ini wujud transformasi kepada ‘Radio yang boleh dilihat’ dan ‘Televisyen yang boleh didengar’.

Seterusnya, beliau juga memberikan serba sedikit gambaran mengenai perbezaan kaedah juruhebah dan penyiaran pada masa dahulu dan sekarang. Antara yang diberikan oleh beliau adalah, pada masa dahulu kaedahnya adalah skema. Semuanya memerlukan kepada skrip dan dikawal rapi oleh pihak atasan. Manakala penggunaan kaedah juruhebah radio pada masa kini adalah bebas dan

tidak perlu melihat pada skrip. Keadaan sedemikian juga boleh membawa impak negatif, kerana akan wujud orang-orang yang membuat aduan dari segi penggunaan bahasa yang kurang sopan, dan tidak enak untuk didengar semasa ke udara. Dipendekkan cerita, pada masa dahulu, semuanya perlu kepada format dan skema. Tetapi perubahan aliran masa yang begitu pantas dan telah membawa kita pada abad ke-21 ini tidak lagi memerlukan kepada format dan semuanya berlaku secara spontan.

Pengalaman Manis dan Pahit

Setiap individu yang bergelar manusia pasti akan ada pengalaman manis dan pahit dalam kehidupan mereka. Antara pengalaman pahit yang dikongsikan oleh Chuari Selamat adalah 2 hari selepas peristiwa '13 Mei' di mana peristiwa itu berlaku ketika beliau masih lagi di bangku sekolah menengah. Itu adalah satu pengalaman yang paling tidak boleh beliau lupakan. Beliau berkata "Kejadian itu berlaku akibat khabar angin yang mengatakan bahawa orang-orang Cina akan membunuh semua anak-anak orang Melayu" (Chuari, 2019).

Khabar angin yang tersebar itu adalah tidak benar sama sekali. Pada ketika itu, ibu bapa kepada pelajar-pelajar Melayu ini amat risau kerana nyawa anak-anak mereka dalam keadaan yang terancam. Kebetulan lokasi sekolah beliau terletak di kawasan yang kebanyakannya diduduki oleh orang Cina. Tetapi hakikatnya tiada apa yang berlaku kepada pelajar-pelajar ini selepas 2 hari berlakunya peristiwa '13 Mei'. Beliau juga berkata "bahayanya khabar angin pada zaman dahulu". Seterusnya, pengalaman manis yang dikongsikan adalah pengalaman ketika beliau di beri peluang untuk mencipta karya bersama-sama dengan Tan Sri Sheikh Salim Sheikh Muhammad Al Mahros atau lebih dikenali sebagai S.M. Salim. Beliau dan S.M. Salim bekerjasama dalam menghasilkan pelbagai lagu untuk artis-artis tempatan. Daripada kerjasama tersebut, banyak ilmu yang beliau perolehi daripada S.M. Salim. Mencipta lirik lagu bersama-sama dengan orang hebat seperti S.M. Salim merupakan sesuatu yang diluar jangkaan bagi beliau kerana, pada asalnya beliau hanyalah seorang juruhebah radio sahaja.

Kesimpulan

Kesimpulannya, penceritaan kehidupan seorang tokoh seni yang dikongsikan Chuari Selamat menjadikan seorang yang sangat kental dan tabah dalam mengharungi liku-liku kehidupan sebelum menjadi seorang yang berjaya haruslah kita jadikan sebagai contoh dan pembakar semangat dalam mencapai apa yang kita impikan selama ini. Kita janganlah menjadi seorang yang mudah berputus asa dalam sesuatu perkara. Kita juga diingatkan sentiasa mencari peluang yang ada bagi memperbaiki diri kita untuk menjadi seorang yang lebih baik. Kita juga haruslah percaya kepada diri sendiri, walaupun ada segelintir masyarakat yang tidak percaya akan bakat dan kebolehan yang kita ada untuk memajukan diri kita.

Seperti lirik lagu 'Fikirkan Boleh' yang dinyanyikan oleh Allahyarham Dato' Sudirman Haji Arshad iaitu antara bait-bait lagunya yang berbunyi 'jika kau fikirkan kau boleh, kau hampir boleh melakukan dan jika kau fikirkan kemenangan, kau hampir kejayaan' berdasarkan video lirik yang diterbitkan oleh (Taufiq, 2010) *You Tube*. Ini adalah salah satu lagu yang boleh menaikkan semangat kita untuk mencapai kejayaan. Selain itu, antara pengajaran yang kita boleh ambil daripada beliau adalah, sifat sayang akan bahasa dan budaya. Chuari Selamat sangat cinta kepada bahasa dan sangat gemar mencipta pantun. Diharapkan budaya pantun ini tidak ditelan dek zaman. Usaha seperti beliau inilah yang harus kita contohi bagi mempertahankan bahasa dan budaya melayu agar tidak dilupakan oleh generasi masa kini.

Rujukan

Bahagian Komunikasi Kraftangan Malaysia. (2011, May 11). Selamat Bersara Tuan Haji Chuari. Diakses 12 Oktober 2019 di <http://ccd kraf.blogspot.com/2011/05/selmat-bersara-tuan-haji-chuari-selamat.html>

Chuari Selamat. (2019, Oktober 21). Temubual Peribadi.

Nazmy Sannusi. (2005, Oktober 8). Chuari Selamat: 15 Tahun Bertugas di Pagi Raya. *Majalah Hai*.

Radio Klasik. (2018). Sejarah Radio Klasik. Diakses 13 Oktober 2019 di <http://radioklasik.rtm.gov.my/>

Taufiq Tawil. (2010, August 24). Lyrics video: Fikirkan boleh.wmv [YouTube Channel]. Diakses 13 Oktober 2019 di <https://www.youtube.com/watch?v=l7HZh0jzpNw>